



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**  
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya  
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957  
Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

## **KENYATAAN MEDIA**

### **PENDUDUK PPR KG. MUHIBBAH TERIMA VAKSIN DI BAWAH PROJEK RINTIS TRAK VAKSIN BERGERAK MYMEDIC@WILAYAH**

Penularan wabak Covid-19 dengan pelbagai varian baharu telah menunjukkan impak peningkatan kes yang mendadak sejak kebelakangan ini di negara kita. Dalam usaha untuk memastikan kesejahteraan warga Wilayah Persekutuan terpelihara, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dengan pantas mengambil langkah proaktif dengan merancang lagi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) melalui pelaksanaan Projek Rintis Trak Vaksin Bergerak MYMedic@Wilayah. Ini bagi membolehkan warga Wilayah Persekutuan mendapatkan akses untuk vaksinasi Covid-19 dengan lebih pantas selain mengekang penularan wabak Covid-19 dalam kalangan komuniti yang berkepadatan tinggi khususnya di Projek Perumahan Rakyat (PPR) MTEN dan Perumahan Awam (PA) DBKL.

1,000 orang penduduk (PPR) Kg. Muhibbah yang menerima vaksin menerusi Projek Rintis Trak Vaksin Bergerak MYMedic@Wilayah pada hari ini adalah hasil kerjasama strategik Kementerian Wilayah Persekutuan bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP). Program vaksinasi hari ini, adalah kepada individu yang telah didaftarkan dengan memberi keutamaan kepada warga emas dan golongan OKU. Kesemua mereka telah dijadualkan mengikut slot yang tertera di dalam aplikasi MySejahtera masing-masing.

Pelaksanaan program ini merupakan antara tujuh Inisiatif Wilayah Cakna 5.0 untuk memastikan 80 peratus warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur selesai divaksinasi pada penghujung Ogos 2021. Sasaran keseluruhan program imunisasi kepada semua warga PPR/PA DBKL yang lain di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah dijadualkan selepas 7 Jun dan dijangka selesai keseluruhannya pada Oktober 2021.

Sebanyak dua (2) unit trak vaksin bergerak MYMedic@Wilayah digunakan dengan setiap trak mempunyai kapasiti 500 dos vaksin. Proses vaksinasi yang dijalankan bermula jam 9 pagi hingga 4 petang yang dijadualkan selama sehari, dijalankan dengan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat. Pergerakan penerima vaksin dikawal selia oleh anggota PDRM, APM, Penguatkuasa DBKL, WATANIAH dan RELA bagi memastikan tidak berlaku kesesakan dan mengikut penjarakan fizikal yang ditetapkan.

Diharapkan matlamat utama program vaksinasi ini dapat membolehkan warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mendapat akses untuk vaksinasi Covid-19 dengan lebih pantas dan seterusnya mengekang penularan wabak Covid-19 dalam kalangan komuniti.

**“Perangi Covid-19: Tingkatkan Usaha, Menang Bersama”**

**TAN SRI TPr. HJ ANNUAR MUSA**  
**Menteri Wilayah Persekutuan**  
**7 Jun 2021**